



**PENGARUH INPUT PELAJAR DAN SOKONGAN
PEMBELAJARAN TERHADAP PENCAPAIAN
SUBJEK EKONOMI PELAJAR
TINGKATAN ENAM**



INTAN FAIRUZZAH BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



**PENGARUH INPUT PELAJAR DAN SOKONGAN PEMBELAJARAN
TERHADAP PENCAPAIAN SUBJEK EKONOMI PELAJAR
TINGKATAN ENAM**

INTAN FAIRUZZAH BINTI ABDULLAH

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14.....(hari bulan).....MEI..... (bulan) 20.24...

i. Perakuan pelajar :

Saya, INTAN FAIRUZZAH BINTI ABDULLAH, P20181000509, FAKULTI PENGURUSAN & EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH INPUT PELAJAR DAN SOKONGAN PEMBELAJARAN TERHADAP PENCAPAIAN SUBJEK EKONOMI PELAJAR TINGKATAN ENAM

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR DR. RAMLEE BIN ISMAIL (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH INPUT PELAJAR DAN SOKONGAN PEMBELAJARAN TERHADAP PENCAPAIAN SUBJEK EKONOMI PELAJAR TINGKATAN ENAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

29 Mei 2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Prof. Dr. Ramlee Ismail
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, 35900 Perak



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH INPUT PELAJAR DAN SOKONGAN PEMBELAJARAN
TERHADAP PENCAPAIAN SUBJEK EKONOMI PELAJAR TINGKATAN ENAM

No. Matrik / *Matric's No.*: P20181000509

Saya / I: INTAN FAIRUZZAH BINTI ABDULLAH

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (☒) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (☒) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 29 Mei 2024

Prof. Dr. Ramlee Ismail
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, 35900 Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya saya telah berjaya menyiapkan tesis ini. Pertamanya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khas buat penyelia saya Prof. Dr. Ramlee Ismail, dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana terlalu banyak memberi bantuan, motivasi, panduan, nasihat, galakan dan bimbingan yang berkesan sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tunjuk ajar dan bimbingan beliau terutamanya berkenaan kaedah penulisan ilmiah yang sistematik dan analisis data yang terperinci amat besar maknanya kepada saya dalam memantapkan penulisan tesis ini. Sesungguhnya, jasa beliau tidak ternilai dan tidak dilupakan. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada bahagian tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang membiayai pembelajaran saya. Seterusnya, saya berasa sangat bersyukur kerana Universiti Pendidikan Sultan Idris telah memberi peluang kepada saya melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah. Tidak lupa kepada jasa pegawai yang bertugas di bahagian EPRD, Jabatan Pelajaran Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor, serta pihak sekolah yang telah memberi kerjasama dan kebenaran menjalankan penyelidikan di premis kerajaan dan sudi menerima kehadiran saya untuk mendapatkan data. Berbanyak-banyak terima kasih juga kepada para pensyarah dari UPSI seperti Prof. Dr. Khoo Yin Yin, Pm. Dr. Norasibah, Pm. Dr. Norlia, Pm. Dr. Rohaila, Pm. Dr. Arman Shah, Pm. Dr. Marinah Awang dan pensyarah dari luar UPSI seperti Dr Ramlan Mustaffa (UITM), Dr. Rosnani (IAB), Dr. Shahlan Surat (UKM), Dr. Ghazali (UM), Pm. Dr. Hutkemri (UM) dan semua pensyarah yang lain, sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana telah memberi tunjuk ajar, dorongan, bantuan dan inspirasi dalam menyempurnakan penyelidikan saya. Tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya suami tercinta Syed Salleh Syed Ismail, ibu bapa dan anak-anak yang sangat setia, memahami, menjadi pendorong, peneman tanpa jemu dan senantiasa mendoakan kejayaan saya. Selain itu, terima kasih juga kepada ahli-ahli keluarga saya yang lain, saudara mara, rakan sekerja, rakan seperjuangan serta jiran tetangga yang sentiasa memberi semangat dan galakkan kepada saya untuk berjaya dalam bidang yang saya ceburi. Sesungguhnya mereka tidak pernah jemu memberi sokongan kepada saya dan banyak berkorban sepanjang pengajian saya. Akhir sekali, sesungguhnya yang terbaik itu datang dari Allah S.W.T., dan segala kekurangan dalam penulisan ini adalah daripada kelemahan saya sendiri yang tidak disengajakan. Sekian terima kasih.





ABSTRAK

Objektif kajian ialah menentukan pengaruh input pelajar dan sokongan pembelajaran terhadap pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi di tingkatan enam. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Seramai 361 orang pelajar tingkatan enam terpilih dengan menggunakan teknik pensampelan berkelompok dan berstrata daripada tiga buah negeri dalam zon selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Instrumen kajian menggunakan item yang diadaptasi daripada kajian lepas dan telah melalui proses pengesahan indeks kesahan kandungan, analisis penerokaan faktor dan kebolehpercayaan. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferens, iaitu ujian-*t* sampel bebas dan regresi berganda. Dapatan kajian menunjukkan tahap pencapaian pelajar bagi kertas Mikroekonomi dan Makroekonomi ialah masing-masing sama dengan lulus penuh sebanyak 71.5 dan 63.7 peratus. Analisis menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai asas ekonomi peringkat SPM adalah lebih baik bagi subjek Mikroekonomi (nilai $t(359) = 1.981, p < 0.05$), tetapi tidak terdapat perbezaan bagi subjek Makroekonomi. Analisis regresi membuktikan faktor pencapaian Matematik SPM ($\beta = 0.074, p = 0.000$), jam belajar ($\beta = -0.392, p = 0.041$), sikap ($\beta = 0.089, p = 0.000$), minat ($\beta = 0.61, p = 0.006$) dan pengaruh ibu bapa ($\beta = -0.068, p = 0.001$), merupakan faktor peramal utama yang mempengaruhi pencapaian subjek Ekonomi. Sebaliknya pengetahuan asas Ekonomi, gaya pembelajaran, kecerdasan holistik, guru, rakan sebaya dan persekitaran, merupakan bukan faktor peramal dan didapati tidak mempengaruhi prestasi subjek tersebut. Kesimpulannya, faktor input pelajar dan sokongan pembelajaran telah menyumbang sebanyak 38 peratus ($R^2 = 0.375$) kepada keseluruhan pencapaian subjek Ekonomi. Manakala 62 peratus varians lagi adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Implikasi kajian telah menunjukkan bahawa pelajar merupakan penentu utama kepada pencapaian mereka. Oleh itu, penekanan kepada kesedaran pelajar adalah penting dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi di tingkatan enam. Kajian lanjutan dengan mengambil kira semua subjek tingkatan enam perlu dilaksanakan kerana beberapa pemboleh ubah bebas dijangkakan mempengaruhi prestasi pelajar tetapi dapatan menunjukkan keadaan sebaliknya.



THE INFLUENCE OF STUDENT INPUT AND LEARNING SUPPORT ON THE ACHIEVEMENT OF STUDENTS' ECONOMIC SUBJECTS FORM SIX

ABSTRACT

The objective aims to determine the influence of student input and learning support on student achievement in the subject of Economics in the Sixth Form. This study uses a quantitative approach with a survey design. 361 sixth form students were selected using cluster and stratified sampling techniques from three states in the southern zone, namely Negeri Sembilan, Melaka and Johor. The research instrument uses items adapted from previous studies and has undergone the content validity index verification process, factor exploratory analysis and reliability. Data were analysed using descriptive and inferential analysis, namely independent sample t-test and multiple regression. The study's findings show that the level of student achievement for Microeconomics and Macroeconomics papers passed by 71.5 and 63.7 per cent, respectively. The analysis has shown that students with SPM level economics are better for the Microeconomics subject (t value (359) = 1.981, $p < 0.05$), but there is no difference for the Macroeconomics subjects. Regression analysis proved the factors of SPM Mathematics achievement ($\beta = 0.074$, $p = 0.000$), study hours ($\beta = -0.392$, $p = 0.041$), attitude ($\beta = 0.089$, $p = 0.000$), interest ($\beta = 0.61$, $p = 0.006$) and parental influence ($\beta = -0.068$, $p = 0.001$), were significant predictive factors that profoundly affect the achievement of the Economics subject. On the other hand, basic knowledge of Economics, learning style, holistic intelligence, teachers, peers and the environment were not predictive factors and did not influence the subject's performance. Ergo, the student input factors and learning support contributed 38 per cent ($R^2 = 0.375$) to the overall achievement of the Economics subject. In comparison, 62 per cent of the variance was influenced by other factors. The study's implications have shown that students are the main determinants of their achievement. Therefore, emphasis on student awareness is essential in improving the achievement of the sixth-form Economics subject. Further study considering all sixth-form subjects should be attended to because some independent variables were expected to determine student performance. Nevertheless, the conclusions invalidated it.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xxiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Tujuan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Persoalan Kajian	19
1.7 Hipotesis Kajian	19
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.8.1 Justifikasi Pemilihan Pemboleh ubah	25

1.9	Definisi Operasional	27
1.9.1	Pelajar	28
1.9.2	Pilihan	28
1.9.3	Input Pelajar	29
1.9.4	Pengetahuan Sedia Ada	29
1.9.5	Jam Belajar	30
1.9.6	Sikap	30
1.9.7	Minat	31
1.9.8	Gaya Pembelajaran	31
1.9.9	Kecerdasan Holistik	32
1.9.10	Sokongan Pembelajaran	33
1.9.11	Guru	33
1.9.12	Ibu bapa	34
1.9.13	Rakan Sebaya	34
1.9.14	Persekitaran	35
1.9.15	Pencapaian dalam Ekonomi	35
1.10	Batasan Kajian	36
1.11	Kepentingan Kajian	39
1.12	Rumusan	43

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	44
2.2	Perkembangan Pendidikan di Malaysia	45
2.2.1	Dasar Pendidikan Lepas Menengah	48
2.2.2	Konsep Pilihan	50
2.3	Transformasi Pengurusan Tingkatan Enam	55
2.3.1	Subjek Pendidikan Ekonomi	61
2.3.2	Persaingan ke Universiti Awam	65
2.4	Teori Kajian	67
2.4.1	Teori Modal Insan (TMI)	68
2.4.2	Teori-Teori Sokongan dalam Teori Modal Insan	87
2.5	Kerangka Teoretikal	98
2.6	Konsep Kajian	101
2.6.1	Input Pelajar	101
2.6.2	Sokongan Pembelajaran	135
2.6.3	Pencapaian Pelajar	144
2.7	Sorotan Kajian Lepas	149
2.7.1	Input Pelajar dan Pencapaian	150
2.7.2	Sokongan Pembelajaran dan Pencapaian	176
2.7.3	Pencapaian Pelajar	198
2.8	Kerangka Kajian	203
2.9	Rumusan	206



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	207
3.2	Pendekatan dan Reka bentuk Kajian	208
3.3	Populasi dan Pensampelan	212
3.3.1	Proses Pemilihan Populasi	213
3.3.2	Justifikasi Pemilihan Tempat Populasi	214
3.3.3	Pengukuran Bilangan Populasi Kajian	215
3.3.4	Penentuan Saiz Unit Analisis (Sampel)	215
3.4	Kaedah Pengukuran Bilangan Unit Analisis	218
3.5	Instrumen Kajian	224
3.5.1	Kaedah Mendapatkan Data Kajian	225
3.5.2	Skala Pengukuran Data	228
3.6	Kesahan Instrumen	232
3.6.1	Kesahan Muka	235
3.6.2	Kesahan Kandungan	236
3.7	Kajian Rintis	244
3.7.1	Kesahan Konstruk (Analisis Faktor: <i>EFA</i>)	244
3.7.2	Ujian Pra dan Analisis Alfa <i>Cronbach</i>	269
3.7.3	Nilai Pekali Alfa Korelasi Koefisien	273
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	276
3.9	Prosedur Analisis Data	283
3.9.1	Statistik Deskriptif	284
3.9.2	Statistik Inferens	287
3.10	Rumusan	293



**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	294
4.2	Pengurusan Data	295
4.3	Taburan Data	295
4.4	Andaian Regresi Pelbagai	296
4.5	Profil Responden	300
4.6	Objektif 1: Pilihan Belajar di Tingkatan Enam	304
4.6.1	Faktor Pencapaian Akademik Pelajar	305
4.7	Objektif 2: Tahap Input Pelajar, Sokongan Pembelajaran dan Pencapaian	307
4.7.1	Input Pelajar	307
4.7.2	Ringkasan Keseluruhan Dimensi Input Pelajar	318
4.7.3	Sokongan Pembelajaran	319
4.7.4	Ringkasan Keseluruhan Dimensi Sokongan Pembelajaran	323
4.7.5	Pencapaian Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam	324
4.8	Objektif 3: Perbezaan Pencapaian Ekonomi	326
4.9	Objektif 4: Pengaruh Langsung Input Pelajar terhadap Pencapaian Subjek Ekonomi	329
4.10	Objektif 5: Pengaruh Langsung Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Subjek Ekonomi	337
4.11	Objektif 6: Sumbangan Input Pelajar dan Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Ekonomi	343
4.12	Ringkasan Dapatan Kajian	353
4.13	Rumusan	354



**BAB 5****RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	355
5.2	Ringkasan Kajian	356
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	359
5.3.1	Keputusan Melanjutkan Pelajaran ke Tingkatan Enam	359
5.3.2	Input Pelajar, Sokongan Pembelajaran dan Pencapaian	362
5.3.3	Pengalaman dan Pengetahuan Asas Ekonomi SPM	377
5.3.4	Pengaruh Langsung Input Pelajar terhadap Pencapaian Ekonomi	380
5.3.5	Pengaruh Langsung Faktor Guru, Ibu Bapa, Rakan Sebaya dan Persekitaran terhadap Pencapaian Ekonomi	387
5.3.6	Sumbangan Input Pelajar dan Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Ekonomi	391
5.4	Rumusan Dapatan Utama Kajian	396
5.5	Implikasi Kajian	399
5.5.1	Implikasi terhadap Perkembangan Ilmu dan Teoretikal	399
5.5.2	Implikasi Metodologi	406
5.5.3	Implikasi terhadap Amalan	411
5.5.4	Implikasi terhadap Dasar	413
5.6	Cadangan Kajian	414
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	423
5.8	Kesimpulan	424

RUJUKAN

426





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Perbandingan Peratus Gagal Subjek Ekonomi STPM Berbanding Subjek Elektif yang Lain	6
1.2	Perbandingan Peratus Lulus Subjek Ekonomi STPM Berbanding Subjek Elektif	7
3.1	Peringkat Pensampelan	213
3.2	Bilangan Populasi Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam Mengikut Negeri di Kawasan Kajian	216
3.3	Bilangan Sampel Pelajar Tingkatan Enam Mengikut Negeri di Zon Selatan	220
3.4	Jadual Spesifikasi Instrumen	227
3.5	Tahap Persetujuan Susunan Tujuh Mata	229
3.6	Pemboleh Ubah dan Pengukurannya	230
3.7	Peringkat Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	235
3.8	Panel Pakar Kesahan Instrumen dan Bidang Kepakaran	238
3.9	Jadual Skor Menilai <i>I-CVI</i>	240
3.10	Nisbah Aras Persetujuan Pakar untuk menentukan Indeks Kesahan Kandungan Item	241
3.11	Keputusan Indeks Kesahan Kandungan (<i>CVI</i>)	242
3.12	Penambahbaikan Instrumen	243
3.13	Indeks Kebagusan (Indeks <i>Goodness-of-Fit</i>) untuk Analisis Faktor Penerokaan (<i>EFA</i>)	249
3.14	Garis panduan Tahap bagi Nilai <i>KMO</i>	250





3.15	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> Terhadap Konstruk Sikap	251
3.16	Nilai <i>Communalities</i> Konstruk Sikap	252
3.17	Matrik Komponen dengan Putaran Varimax Konstruk Sikap	253
3.18	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> Terhadap Konstruk Minat	253
3.19	Nilai <i>Communalities</i> Konstruk Minat	254
3.20	Matrik Komponen dengan Putaran Varimax Konstruk Minat	255
3.21	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> Terhadap Konstruk Gaya Pembelajaran	256
3.22	Matriks Komponen Putaran Varimax Konstruk Gaya Pembelajaran	257
3.23	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> Terhadap Konstruk Kecerdasan	258
3.24	Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Konstruk Kecerdasan	259
3.25	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> Terhadap Konstruk Guru	260
3.26	Nilai <i>Communalities</i> Konstruk Guru	261
3.27	Matrik Komponen dengan Putaran Varimax Konstruk Guru	261
3.28	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> Terhadap Konstruk Ibu Bapa	262
3.29	Nilai <i>Communalities</i> Konstruk Ibu bapa	263
3.30	Matrik Komponen dengan Putaran Varimax Konstruk Ibu bapa	264
3.31	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> Terhadap Konstruk Rakan Sebaya	264
3.32	Nilai <i>Communalities</i> Konstruk Rakan Sebaya	265
3.33	Matrik Komponen dengan Putaran Varimax Konstruk Rakan Sebaya	266
3.34	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> Terhadap Konstruk Persekitaran	266



3.35	Nilai <i>Communalities</i> Konstruk Persekitaran	267
3.36	Matrik Komponen dengan Putaran Varimax Konstruk Persekitaran	268
3.37	Jumlah Taburan Item Sebelum dan Selepas Pengesahan Konstruk	268
3.38	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	273
3.39	Analisis Statistik Kebolehpercayaan Item dan Instrumen Soal Selidik Kajian	274
3.40	Jumlah Taburan Item dan Nilai Kebolehpercayaan Alfa <i>Cronbach</i> Sebelum dan Selepas Pengesahan Konstruk	276
3.41	Tahap Dimensi Mengikut Nilai Skor Min Kajian	285
3.42	Gred Pencapaian Peperiksaan	286
3.43	Skala Interpretasi Kesan Pemboleh ubah Peramal	289
3.44	Nilai Kritikal χ^2 berdasarkan Bilangan Pemboleh ubah Bebas	291
3.45	Matriks Pengukuran Data	292
4.1	Ujian <i>Multikolineariti</i>	297
4.2	Profil Pelajar	300
4.3	Profil Guru	302
4.4	Profil Ibu Bapa	303
4.5	Pilihan Pelajar Melanjutkan Pelajaran ke Tingkatan Enam	304
4.6	Sebab Utama yang Membantu dalam Pencapaian Akademik Pelajar	306
4.7	Bilangan dan Peratus Pencapaian Matematik SPM	308
4.8	Bilangan dan Peratus Pelajar yang Mempunyai Pengetahuan Asas Ekonomi	309
4.9	Bilangan dan Peratus Jam Belajar Subjek Ekonomi Tingkatan Enam	310



4.10	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Faktor Sikap	311
4.11	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Faktor Minat	312
4.12	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Faktor Gaya Pembelajaran	313
4.13	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Faktor Kecerdasan Holistik	317
4.14	Min, Sisihan Piawai dan Tahap Keseluruhan Konstruk Input Pelajar	318
4.15	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Faktor Guru	319
4.16	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Faktor Ibu Bapa	320
4.17	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Faktor Rakan Sebaya	321
4.18	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Faktor Persekitaran	322
4.19	Min, Sisihan Piawai dan Tahap Keseluruhan Konstruk Sokongan Pembelajaran	323
4.20	Pencapaian Keputusan Subjek Ekonomi STPM Semester Satu dan Semester Dua	324
4.21	Min dan Sisihan Piawai Pencapaian Ekonomi dan Semua Subjek	325
4.22	<i>Output T-Test</i> antara Pencapaian Pelajar berdasarkan Pengetahuan Asas Ekonomi SPM	327
4.23	Analisis Varians Input Pelajar terhadap Pencapaian Mikroekonomi	330
4.24	Pengaruh Input Pelajar terhadap Pencapaian Mikroekonomi	330
4.25	Analisis Varians Input Pelajar terhadap Pencapaian Makroekonomi	332
4.26	Pengaruh Input Pelajar terhadap Pencapaian Makroekonomi	333
4.27	Analisis Varians Input Pelajar terhadap Pencapaian Keseluruhan	335
4.28	Pengaruh Input Pelajar terhadap Pencapaian Keseluruhan	335
4.29	Analisis Varians Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Mikroekonomi	337





4.30	Pengaruh Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Mikroekonomi	338
4.31	Analisis Varians Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Makroekonomi	339
4.32	Pengaruh Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Makroekonomi	340
4.33	Analisis Varians Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Keseluruhan	341
4.34	Pengaruh Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Keseluruhan	342
4.35	Analisis Varians Input Pelajar dan Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Mikroekonomi	343
4.36	Pengaruh Input Pelajar dan Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Mikroekonomi	344
4.37	Analisis Varians Input Pelajar dan Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Makroekonomi	346
4.38	Pengaruh Input Pelajar dan Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Makroekonomi	347
4.39	Analisis Varians Input Pelajar dan Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Keseluruhan	349
4.40	Pengaruh Input Pelajar dan Sokongan Pembelajaran terhadap Pencapaian Keseluruhan	350
4.41	Ringkasan Keseluruhan Model Analisis Regresi Berganda	352
4.42	Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis	353





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian Pencapaian Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam	24
2.1	Teori Asas Modul Insan	76
2.2	Kerangka Modal Insan	77
2.3	Komponen yang Meningkatkan Modal Insan	79
2.4	Model Teori Modal Insan	84
2.5	Model <i>Ecological Bronfenbrenner</i>	94
2.6	Perkaitan Komponen yang Meningkatkan Modal Insan antara Mayo dengan Pengkaji	100
2.7	Keluk Lupa <i>Ebbinghaus</i>	106
2.8	Perkaitan antara Unsur dalam Manusia	123
2.9	Model Hubungan Pencapaian dengan Dimensi Kajian.	204
3.1	Ringkasan Keseluruhan Kerangka Reka Bentuk Kajian Penyelidik	211
3.2	Kerangka Pensampelan Kajian	223
3.3	Kerangka Operasi Kajian	281
3.4	Prosedur Analisis Data Menggunakan Perisian SPSS	283
4.1	Graf Plot Kebarangkalian Normal	298
4.2	Graf Taburan Reja (<i>Scatterplot</i>)	299
5.1	Model Input-Outcome :Kebolehsaingan Pelajar Tingkatan Enam ke IPTA	398



SENARAI SINGKATAN

<i>AMA</i>	<i>Assistant Masters Association</i>
<i>ANOVA</i>	<i>Analysis of Varians</i>
<i>ASEAN</i>	<i>Association of Southeast Asia Nations</i>
<i>AVE</i>	<i>Average</i>
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPKP	Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
<i>CFA</i>	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CGPA	Purata Nilai Gred Kumulatif
<i>COVID-19</i>	<i>Coronavirus Disease</i>
<i>CVI</i>	<i>Content Validation Index.</i>
<i>EFA</i>	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
<i>EPRD</i>	<i>Educational Planning and Policy Research Division</i>
<i>EQ</i>	<i>Emotional Quotient (Kecerdasan Emosi)</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
<i>FQ</i>	<i>Physical Intelligence (Kecerdasan Fizikal)</i>
GPPT6	Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam
<i>GRSLSS</i>	<i>Grasha-Reichmann Learning Style Scales</i>
<i>HC</i>	<i>Human Capital</i>
<i>ICT</i>	<i>Information and Communication Technology (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)</i>

<i>I-CVI</i>	<i>Item- Content Validity Index.</i>
ILKA	Institut Latihan Kemahiran Awam
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
<i>IQ</i>	<i>Intellectual Quotient</i> (Kecerdasan Intelektual)
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JU	Jurulatih Utama
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KAA	Kelas Aliran Agama
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKM	Kementerian Kewangan Malaysia
<i>KMO</i>	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
NGMP	Nilai Gred Mata Pelajaran

PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PCA	<i>Principal Component Analysis</i>
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PIBG	Persatuan Ibu bapa dan Guru
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PMK	Purata Mata Gred Keseluruhan
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
PPISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PTE	Pendidikan Tingkatan Enam
PTP	Program Transformasi Pendidikan
RM	Ringgit Malaysia
RPKJ	Rancangan Persediaan Khas ke Jepun
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
S-CVI	<i>Scale-Content Validity Index</i>
S-CVI-AVE	<i>Scale-Content Validity Index-Average</i>
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

<i>SPSS</i>	<i>Statistic Package for the Social Science</i>
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
<i>SQ</i>	<i>Spiritual Quotient</i> (Kecerdasan Spiritual)
TMI	Teori Modal Insan
TTD	Teori Tingkah laku Dirancang
UA	Universiti Awam
<i>UA</i>	<i>Universal Agreement</i>
<i>UNICEF</i>	<i>United Nations Children's Fund</i>
UPE	Unit Perancang Ekonomi
UPU	Unit Pusat Universiti
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
<i>WAEC</i>	<i>West African Examination Council</i>
<i>WEF</i>	<i>World Economic Forum</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi
- B Gred Mata Pelajaran STPM
- C Cabang Pilihan Pelajar Lulusan SPM
- D Kerangka Konsep Pendidikan Tingkatan Enam
- E Senarai Mata Pelajaran STPM Baharu
- F Sukatan Pelajaran Ekonomi Baharu
- G Ringkasan Matriks Kajian Literatur
- H Keputusan Indeks Kesahan Kandungan (*Content Validation Index*)
- I Ringkasan *Eksploratori Factor Analysis (EFA)*
- J Pembersihan Data melalui Multiple Imputation
- K Ujian Normaliti Data Soal Selidik mengikut Faktor
- L Soal Selidik Kesahan Kandungan (Pakar)
- M Soal Selidik Kesahan Kandungan (Responden)



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Negara yang maju dan makmur memiliki tahap ekonomi yang mapan dan mantap. Sumber ekonomi yang digembleng secara cekap, sistematik dan optimum boleh membantu menjamin pulangan yang tinggi, dapat dimanfaatkan dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Mengikut sejarah Malaysia, kemajuan ekonomi dilihat sebagai faktor utama meningkatnya kemasyhuran sesebuah negeri seperti negeri Melaka. Walau bagaimanapun, salah satu faktor kemunduran sesebuah kerajaan atau negara juga disebabkan oleh kemerosotan dalam bidang ekonomi selain daripada faktor-faktor lain (Nuraini A. Manan, 2019; Muhammad Amin, 2016). Oleh itu, ekonomi merupakan satu elemen yang sangat penting yang perlu diberi perhatian, dititikberatkan dan diperkembangkan.





Selain daripada faktor ekonomi, negara yang maju memerlukan modal insan yang berkelayakan tinggi dan berdaya saing untuk memacu pembangunan negara terbilang. Modal insan yang berkemahiran tinggi dan seimbang dapat dibangunkan melalui sistem pendidikan yang berkualiti. Dalam konteks menyediakan pendidikan yang berkualiti, peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat penting dan memerlukan peruntukan yang mencukupi untuk menaik taraf pendidikan negara ke tahap tertinggi. Justeru, sektor pendidikan merupakan pelaburan dalam pembangunan modal insan yang dapat memberi sumbangan dalam jangka panjang (Gatot Subroto, 2014).

Berdasarkan *United Nations Children's Fund* (UNICEF), telah melaporkan bahawa setiap tahun yang dimanfaatkan dengan pendidikan, pendapatan seseorang dapat ditingkatkan sebanyak sepuluh peratus sepanjang kehidupannya dan meningkatkan pendapatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 18 peratus (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2018). Laporan tersebut jelas menunjukkan ekonomi dan sistem pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam keberhasilan sesebuah negara. Ia adalah sejajar dengan anjakan ke-10 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang berhasrat memaksimumkan keberhasilan pelajar bagi setiap ringgit. Justeru, semenjak negara Malaysia mencapai kemerdekaan lebih enam dekad, kerajaan Malaysia telah pun memperuntukkan pelaburan yang tertinggi dalam sektor pendidikan berbanding sektor lain.



Berdasarkan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM, 2017), telah menunjukkan bahawa peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah yang tertinggi di Asia Timur dalam perbelanjaan kerajaan persekutuan untuk pendidikan rendah dan menengah. Malah, perbelanjaan pendidikan di Malaysia terus meningkat dan menjadi lebih dua kali ganda daripada perbelanjaan negara *Association of Southeast Asia Nations* (ASEAN) lain secara purata (Kementerian Kewangan Malaysia [KKM], 2017). Walau bagaimanapun, pada tahun 2018, peruntukan bajet untuk sektor pendidikan telah mengalami sedikit penurunan daripada RM61.6 bilion kepada RM60.2 bilion daripada keseluruhan bajet tahun 2019. Namun begitu, sektor pendidikan masih merupakan sektor penerima peruntukan yang terbesar, iaitu 19.1 peratus daripada keseluruhan bajet berbanding sektor lain (Kementerian Kewangan Malaysia [KKM], 2018). Pembiayaan yang besar ini menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi pihak kerajaan terhadap sektor pendidikan yang membawa kemakmuran dan perkembangan positif sejajar aspirasi masyarakat mengikut perkembangan global (Muhamad Shafiq Mohd Razali & Noraini Abdol Raop, 2018).

Peruntukan pelaburan yang disalurkan kepada sektor pendidikan menuntut beberapa perubahan dalam sistem pendidikan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Perubahan diperlukan untuk memajukan, meningkatkan dan memantapkan sistem pelaksanaan, penyampaian, taraf kualiti dan sistem pendidikan negara agar berkembang maju seiring dengan kemajuan negara lain. Menurut Fullan dan Mascal (2000), para pendidik perlu sentiasa berada dalam keadaan bersedia untuk meningkatkan pembangunan diri agar sesuai dalam suasana pendidikan yang dinamik dan tidak terjangka agar kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) relevan dengan peredaran masa. Pandangan ini seiring dengan Siti Nur Aisya Sugumarie Abdullah dan



Ahmad Zabidi Abdul Razak (2016) yang mengatakan bahawa guru-guru juga menghadapi minat pelajar, jangkaan ibu bapa serta keperluan pihak berkepentingan yang selalu berubah.

Perubahan ini berlaku di semua peringkat dalam sektor pendidikan sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, menengah atas dan lepasan menengah. Ia bertujuan untuk menarik minat pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi khususnya dalam sektor pendidikan tingkatan enam. Berdasarkan matlamat Program Transformasi Pendidikan (PTP), mutu dan kualiti dalam pengajian tingkatan enam telah dipertingkatkan terutamanya dalam sistem penilaian peperiksaan STPM agar lebih mantap, holistik dan pelajar tidak terbeban (Majlis Peperiksaan Malaysia [MPM], 2012). Perubahan ini lebih memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik dan berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Namun, terdapat persoalan-persoalan yang masih memerlukan jawapan sama ada adakah perubahan ini menjadi pemangkin yang menyuntik semangat pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam? dan adakah dengan melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam memberi jaminan pelajar mendapat tempat di universiti? Pelbagai faktor perlu dikaji untuk mendapatkan jawapan terhadap persoalan-persoalan tersebut.



1.2 Latar Belakang Kajian

Sebagai mana yang sedia maklum, ekonomi dan pendidikan saling berkait antara satu sama lain. Ilmu ekonomi merupakan komponen dalam k-ekonomi dan perlu diterapkan kepada setiap warga negara Malaysia.

Ilmu ekonomi dapat disalurkan kepada pelajar melalui subjek Ekonomi yang ditawarkan di sekolah menengah. Manakala di negara maju seperti di Amerika Syarikat, ekonomi merupakan ilmu yang sangat penting dan telah diperkenalkan subjek Ekonomi di peringkat awal lagi iaitu pra-sekolah (Ramlee Ismail & Marinah Awang, 2004). Namun di Malaysia, subjek Ekonomi mula diperkenalkan secara khusus di peringkat menengah sebagai subjek elektif bermula di tingkatan empat. Subjek ini agak lewat diperkenalkan di Malaysia berbanding negara maju.

Kelewatan pendedahan subjek ini di peringkat awal, memberi kesan wujudnya masalah persepsi terhadap subjek Ekonomi dan menyumbang kepada prestasi yang kurang memberangsangkan dalam kalangan pelajar di peringkat menengah (Nurhasmuni Che Hassan, 2016; Ramlee Ismail & Marinah Awang, 2004). Malah, menurut Nur Izzatul Syahirah Tan Abdullah, Zaimuariffudin Shukri Nordin dan Norehan Zulkiply (2021) pelajar ekonomi kurang menguasai dalam kemahiran menyelesaikan masalah terutamanya kerana mereka lemah dalam penguasaan teori dan pemahaman konsep dalam Ekonomi. Ini bermakna bahawa pendedahan awal subjek Ekonomi adalah perlu kerana boleh membantu memudahkan dan memantapkan tahap pemahaman pelajar terhadap literasi ekonomi untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan membantu meningkatkan prestasi pelajar ekonomi di peringkat yang

lebih tinggi. Hal ini dijelaskan oleh Nurhasmuni Che Hassan (2016), bahawa subjek Ekonomi perlu dipelajari pada peringkat awal menengah walaupun kurikulum yang lebih mendalam akan diajar di peringkat kolej atau pun universiti.

Rentetan daripada isu ini, terdapat beberapa kesan yang boleh menyumbang kepada kurangnya tahap penguasaan pelajar dalam subjek ini. Ini dapat dibuktikan melalui keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan berbanding dengan subjek-subjek lain dalam bidang kemanusiaan Ikhtisas seperti Perniagaan dan Perakaunan yang lebih baik. Jadual 1.1 menunjukkan keputusan subjek Ekonomi pada tahun 2019 hingga 2022 yang telah mengalami peratus gagal yang lebih tinggi berbanding subjek elektif yang lain.

Jadual 1.1

Perbandingan Peratus Gagal Subjek Ekonomi STPM Berbanding Subjek Elektif yang Lain

Subjek	Peratus gagal 2019	Peratus gagal 2020	Peratus gagal 2021	Peratus gagal 2022
Ekonomi	24.85	26.84	30.19	25.12
Perniagaan	19.95	20.93	21.73	11.93
Perakaunan	14.57	26.56	15.96	15.96

Nota, Diadaptasi dari Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) 2019 hingga 2022.

Selain itu, berdasarkan laporan MPM (2022; 2021; 2020; 2019; 2018 & 2017), keputusan STPM turut menunjukkan bahawa keputusan peratus lulus bagi subjek Ekonomi STPM adalah antara yang terendah berbanding subjek elektif yang lain (rujuk Jadual 1.2, m.s.7). Keadaan ini amat membimbangkan kerana keputusan yang rendah



dalam subjek Ekonomi boleh memberi kesan dan menyumbang kepada gred CGPA yang rendah bagi keputusan keseluruhan STPM.

Jadual 1.2

Perbandingan Peratus Lulus Subjek Ekonomi STPM Berbanding Subjek Elektif

Subjek/ Tahun	Calon Sem 1	Lulus penuh(%)	Calon Sem 2	Lulus penuh(%)	Calon Sem 3	Lulus penuh(%)
2017						
Ekonomi	14 427	59.22	14 249	45.13	14 099.	49.05
Perniagaan	17 044	49.3	16 757	49.4	16 563	61.58
Perakaunan	2 447	49.98	2 415	81.08	2 388	74.38
2018						
Ekonomi	13 596	55.19	13 485	42.56	13 402	48.87
Perniagaan	17 029	51.11	16 873	47.74	16 764	62.56
Perakaunan	2 298	55.66	2 295	82.39	2 284	74.39
2019						
Ekonomi	14 866	58.42	14 732	44.15	14 602	50.53
Perniagaan	17 552	52.97	17 410	51.57	17 266	62.57
Perakaunan	2 817	58.19	2 806	81.68	2 793	75.47
2020						
Ekonomi	13 825	60.64	13 663	45.54	13 539	52.04
Perniagaan	17 101	55.35	16 863	52.82	16 689	64.10
Perakaunan	2 377	58.43	2 358	82.57	2 346	62.09
2021						
Ekonomi	13 225	60.14	13 041	43.28	12 931	51.05
Perniagaan	16 393	53.47	16 120	51.39	15 959	62.59
Perakaunan	2 200	60.33	2 182	80.29	2 168	74.41
2022						
Ekonomi	13 188	57.96	12 979	47.69	12 846	60.43
Perniagaan	16 508	55.10	16 263	54.45	16 098	76.33
Perakaunan	2 370	62.76	2 351	73.29	2 331	72.20

Nota, Diadaptasi dari Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), 2017 hingga 2022.





Selain itu, subjek ini merupakan subjek pilihan elektif dan bukannya subjek wajib yang ditawarkan kepada pelajar tingkatan empat, lima dan enam. Pelajar dapat mempelajari subjek ini bergantung kepada sekolah yang menawarkan subjek tersebut sahaja. Ini bermakna bukan semua pelajar berpeluang mempelajari ilmu ekonomi walaupun mereka amat meminatinya. Menidakkan peluang pelajar lain yang berkebolehan dan minat untuk belajar dan boleh menguasai subjek Ekonomi dengan baik merupakan satu kerugian yang besar kerana pelajar tersebut boleh membantu menyumbang menaikkan prestasi pencapaian subjek Pendidikan Ekonomi. Selain itu, kebanyakan pelajar dalam jurusan Ekonomi di sekolah menengah terdiri daripada kategori tahap sederhana dan ke bawah dan kurang menguasai. Ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada pencapaian yang tidak konsisten dan rendah dalam subjek Ekonomi.



Berdasarkan rumusan laporan MPM (2022; 2021; 2020; 2019; 2018; 2017), pencapaian subjek Ekonomi STPM dari tahun 2017 hingga 2022, mendapati bahawa pelajar ekonomi kurang mahir dan lemah dengan menerangkan dan menjelaskan fakta dengan baik, huraian yang tidak lengkap telah dikemukakan, jawapan yang kurang matang atau mantap, dan tidak berkaitan dengan fakta yang dikehendaki. Selain itu, istilah dalam ekonomi tidak dapat ditakrifkan dengan betul atau tepat, cuai menulis unit dalam jawapan di bahagian B (bahagian kuantitatif) seperti wang (RM) dan peratusan (%), tidak merancang jawapan mereka dengan baik dan fakta yang dijelaskan lebih daripada sekali atau mempunyai maksud yang sama. Selain itu, pelajar telah membentangkan jawapan mereka tanpa menunjukkan jalan kerja dikira, menyalahgunakan formula atau rumus dan menjawab lebih daripada bilangan soalan yang diperlukan. Dalam erti kata lain, pelajar masih kurang faham, cuai, gagal





mengingati rumusan atau formula dan lemah dalam pengiraan. Persoalannya di sini, mengapakah masalah yang sama ini masih berlaku sehingga kini dan apakah puncanya?

Terdapat pelbagai faktor yang boleh dirungkaikan untuk mengetahui sebab berlakunya masalah ini. Antaranya ialah faktor sikap dan minat pelajar. Faktor-faktor ini sangat penting kepada kejayaan dan prestasi pelajar dalam pembelajaran. Sikap pelajar dalam pembelajaran sesuatu subjek itu akan menentukan sejauh mana tahap pencapaian yang akan diperoleh oleh pelajar tersebut (Lim & Lim, 2016). Manakala faktor minat akan merangsang dan menggalakkan usaha pelajar dengan lebih tekun untuk berjaya mencapai matlamat yang dihayati dalam apa jua bidang yang diceburi (Siti Hasmiza Hassan & Siti Fatimah Md Azali, 2018). Namun begitu, pelajar akan hilang minat terhadap sesuatu subjek sekiranya pencapaian subjek tersebut kurang memuaskan (Mohd Erfy Ismail et al., 2019; Khoo, 2008).

Selain daripada faktor minat dan sikap, faktor emosi juga perlu diberi perhatian kerana kestabilan emosi yang baik dalam proses pembelajaran memberi kesan dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik (Megalah Krishnan, 2015). Oleh sebab itu, ibu bapa dan guru perlu sedar kepentingan pelajar diberi lebih banyak sokongan dan ruang untuk mereka membuat pilihan yang tepat, mencuba beberapa pilihan dan belajar daripada pengalaman agar pelajar dapat menguasai ilmu tersebut (Rajendran, 2017). Oleh itu, faktor minat, sikap, sokongan dan pemilihan subjek elektif yang sesuai dengan jiwa dan kemampuan pelajar perlu diambil perhatian serius oleh semua pihak agar dapat membantu pelajar meningkatkan minat dan memberi implikasi kepada sikap mereka untuk tekun berusaha mendapatkan pencapaian yang cemerlang dalam akademik.





Berbicara tentang konteks pilihan, pelajar lepasan SPM mempunyai pelbagai pilihan untuk menentukan masa hadapan mereka. Pilihan yang dibuat akan melibatkan kos melepas akibat membuat pilihan yang pertama. Pelajar yang memilih belajar selepas SPM melibatkan kos melepas iaitu tidak bekerja atau pendapatan yang dilepaskan daripada bekerja. Menurut Tan dan French-Arnold (2012), tidak bekerja merupakan salah satu punca ketidakseimbangan ekonomi. Sekiranya pelajar memilih untuk belajar, persoalannya ialah di manakah tempat belajar yang sesuai dengan mereka? Ini adalah kerana pelajar mempunyai pelbagai pilihan untuk meneruskan pengajian mereka di bidang akademik selepas SPM seperti ke tingkatan enam, Matrikulasi, asasi, teknik vokasional, kolej swasta dan sebagainya.

Isu yang akan timbul di sini ialah kesan dan akibat yang bakal diterima oleh pelajar sekiranya pilihan pelajar adalah kurang tepat, tidak sesuai, dan kurang kemampuan. Pilihan yang tepat, kesesuaian bidang atau jiwa, sokongan pembelajaran dari pelbagai pihak, keselesaan persekitaran dan kesediaan untuk belajar adalah sangat penting membantu pelajar memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan dan mencapai matlamat yang dikehendaki. Maka di sinilah bermulanya proses pelajar itu menentukan masa hadapan mereka dengan membuat keputusan mengikuti aliran yang diminati. Pelajar perlu tahu bidang dan jurusan yang diceburi. Perkara ini adalah sangat penting kerana keputusan atau pilihan yang diambil sama ada kerana minat atau terpaksa, dalam konteks akademik di tingkatan enam, pelajar hanya mempunyai dua laluan akhir sahaja iaitu sama ada berjaya atau gagal ke universiti.





Kejayaan melanjutkan pelajaran ke universiti awam merupakan matlamat utama bagi semua pelajar khususnya pelajar lepasan STPM. Peluang dan persaingan yang sengit ke universiti awam merupakan salah satu isu yang sering diperkatakan sehingga kini. Seperti mana yang diketahui, terdapat pelbagai saluran yang telah disediakan oleh KPM dan pihak swasta bagi merealisasikan matlamat mereka. Namun, isu kesukaran mendapatkan tempat di universiti awam (UA) amat membimbangkan para pelajar STPM. Walaupun jumlah pelajar STPM ke menara gading telah meningkat pada tahun 2017 sebanyak 4,242 tawaran iaitu sebanyak 21.07 peratus (Suhaila Shahrul Annuar, 2019). Namun persoalannya, adakah jumlah pengambilan pelajar STPM ke universiti awam akan terus meningkat pada tahun yang berikutnya sekiranya tiada pertambahan universiti dilaksanakan?



seseorang pelajar melanjutkan pelajaran di universiti awam adalah berdasarkan kepada markah merit, persediaan, kecukupan tempat dan kelayakan calon sepenuhnya. Ia bukannya bergantung kepada kategori calon, kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal (Suhaila Shahrul Annuar, 2019). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pengambilan pelajar ke universiti adalah berdasarkan kelayakan yang diukur daripada pencapaian pelajar diutamakan. Jika pencapaian bagi sesuatu subjek yang kurang memuaskan akan menyumbang kepada keputusan CGPA STPM yang kurang memuaskan secara keseluruhan. Maka, CGPA yang rendah memberi laluan yang sukar untuk pelajar tingkatan enam melanjutkan pelajaran ke universiti awam.





Perkara ini telah dibuktikan apabila pada tahun 2018, berdasarkan permohonan awal seramai 58 383 orang pelajar yang terdiri daripada calon lepasan STPM dan setaraf, sejumlah 23,362 orang calon (96.9 peratus) daripada aliran sains dan 25,397 orang calon daripada aliran sastera (74.4 peratus) telah berjaya diterima melanjutkan pengajian di universiti awam (Bernama, September, 2018). Ini bermakna bahawa lebih dari 25 peratus orang pelajar aliran sastera telah gagal ke universiti awam. Pada tahun 2022 pula, seramai 115,477 orang pelajar merupakan calon berdaftar untuk memasuki UA. Seramai 90,745 orang pelajar telah melepasi syarat am, namun hanya 71,615 (62 peratus) orang pelajar mendapat penempatan di 20 buah UA (Rafidah Mat Ruzki, 2022). Persoalannya yang timbul adalah apakah faktor penyebab berlakunya jumlah peratus yang agak besar pelajar gagal menyambung pelajaran ke universiti awam?



keberkesanan pengajaran guru tentang sesuatu ilmu dan kemahiran yang dipelajari oleh pelajar sama ada diperoleh di sekolah atau di luar persekitaran sekolah (Abdul Rasid Jamian, 2021). Sebahagian besar masa guru telah diluahkan bersama pelajar dalam proses mendidik mereka untuk memperoleh ilmu dan kemahiran yang dikehendaki. Pelajar menjadi aktif dan positif terhadap sesuatu pelajaran bergantung kepada bagaimana teknik menyoal dan gaya pengajaran guru diaplikasikan dengan baik di dalam kelas. Ini bermakna bahawa, proses PdPc yang berkesan memerlukan guru yang memahami peranannya, pelajar yang komited dan persekitaran yang positif.



Selain itu, setiap pelajar mempunyai gaya belajar yang unik dan mampu menghasilkan output yang optimum apabila diberi peluang menggunakan gaya belajar yang diminati mereka (Andang Andaiyani Ahmad & Abdul Said Ambotang, 2020). Isunya adalah apakah gaya pembelajaran pelajar yang dominan dan sesuai semasa PdPc dilaksanakan bagi subjek Ekonomi? Gaya pembelajaran yang mana satu yang menyumbang kepada prestasi cemerlang subjek Ekonomi? Ini adalah kerana memahami kriteria pelajar adalah sangat penting dalam membantu memudahkan pelajar memahami konsep dan mengaplikasikan kemahiran pengiraan dalam subjek Ekonomi dengan lebih berkesan. Guru juga perlu mengetahui gaya pembelajaran yang diamalkan oleh majoriti pelajar. Oleh itu, guru-guru perlu benar-benar mengetahui pelbagai kaedah dan strategi PdPc serta berusaha menggunakannya mengikut keadaan dan kesesuaian (Nor Aisah Jamil, 2018).

Selain mempunyai gaya pembelajaran yang unik, setiap pelajar juga mempunyai kemampuan atau kebolehan yang berbeza antara satu sama lain. Rizky Sulastyaningrum, Trisno Martono dan Budi Wahyono (2019) berpendapat bahawa kemampuan pelajar memegang peranan penting dalam prestasi akademik yang dicapainya. Namun, kebanyakan orang melihat kemampuan hanya daripada kecerdasan intelektual sahaja. Walhal, kecerdasan intelektual sahaja belum tentu membantu meningkatkan prestasi belajar yang maksimum (Goleman, 2016; Agus Nggermanto, 2015). Ini bermakna, selain kecerdasan intelektual (IQ), masih ada kecerdasan lain yang perlu diberi perhatian yang mempengaruhi prestasi seseorang iaitu kecerdasan fizikal, emosi dan rohani. Empat dimensi kecerdasan ini telah dijadikan asas pengukuran pencapaian pelajar dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ia sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang dirangka untuk melahirkan insan yang harmoni

dan seimbang. Maka, penguasaan kecerdasan holistik merupakan asas kepada keberhasilan pelajar dalam pendidikan (Mohd Nasir Rayung, Abdul Said Ambotang & Mohd Yusof Abdullah, 2018). Namun begitu, dalam keempat-empat kecerdasan ini, salah satu isu yang sering menjadi perhatian di sekolah ialah kecerdasan fizikal iaitu daripada segi aspek penumpuan pelajar di dalam kelas dan pencapaian akademik bagi pelajar yang aktif.

Oleh itu, bagi membantu meningkatkan pencapaian para pelajar khususnya dalam subjek Ekonomi, perbagai faktor perlu dikenal pasti dengan teliti. Prestasi pelajar dalam subjek pendidikan ekonomi STPM akan terjejas sekiranya aspek pemilihan aliran yang kurang tepat di peringkat awal tidak ditangani dengan baik. Tanpa kerjasama semua pihak akan mengakibatkan masalah kemerosotan subjek ini berterusan berlaku dan mengakibatkan kerugian kepada semua pihak terutamanya pelajar ekonomi tingkatan enam.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang kajian, telah terbukti bahawa pencapaian pelajar yang mengambil subjek Ekonomi di tingkatan enam mengalami kemerosotan dan tidak konsisten. Masalah keputusan peperiksaan STPM bagi subjek Ekonomi yang kurang memuaskan bukan hanya berlaku pada peringkat awal ketika ia diperkenalkan, namun masih berlaku sehingga kini.

Walaupun tidak dinafikan terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar sebelum ini, namun, berpandukan matriks kajian literatur (rujuk Lampiran G), sebahagian kajian lepas hanya menggunakan pemboleh ubah yang terhad dan tidak menyeluruh. Selain itu, skop kajian lepas lebih tertumpu kepada murid di sekolah rendah, peringkat menengah dan universiti. Setakat ini, penjelasan penyelidikan secara mendalam terhadap pelajar pra universiti terutamanya di tingkatan enam didapati masih kurang dijalankan khasnya dalam subjek Ekonomi.

Meskipun sistem dalam tingkatan enam telah mengalami perubahan untuk memudahkan dan meningkatkan pencapaian pelajar dalam STPM, namun keputusan akademik pelajar tingkatan enam khususnya dalam subjek Ekonomi masih kurang memuaskan dan rendah berbanding dengan subjek elektif yang lain (Majlis Peperiksaan Malaysia [MPM], 2022; 2021; 2020; 2019; 2018, 2017). Oleh sebab itu, perkara ini telah menarik perhatian penyelidik untuk melaksanakan kajian ini secara terperinci kerana masalah kemerosotan prestasi subjek ini akan berterusan sekiranya tiada tindakan penambahbaikan dilaksanakan dengan mengenal pasti punca sebenar.

Berdasarkan laporan dari MPM mendapati bahawa pencapaian pelajar dalam subjek ini lebih rendah dan kurang memuaskan berbanding dengan subjek-subjek dalam bidang kemanusiaan Ikhtisas yang lain seperti Perniagaan dan Perakaunan. Selain memperoleh jumlah peratus lulus penuh yang rendah berturut-turut selama enam tahun iaitu dari tahun 2017 hingga 2022 (rujuk Jadual 1.2, m.s. 7), masalah kelemahan pelajar juga sering berulang-ulang seperti cuai, kurang faham konsep, lemah pengiraan, huraian yang kurang tepat, tidak lengkap, salah fakta dan salah rumusan atau formula.



Apa yang lebih membimbangkan lagi adalah apabila subjek Ekonomi juga turut mengalami peratus gagal yang lebih tinggi (rujuk Jadual 1.1, m.s. 6) dari tahun 2019 hingga 2022 berbanding dengan subjek elektif lain (MPM, 2022; 2021; 2020 & 2019).

Berdasarkan laporan Bernama (September, 2018), telah mendapati bahawa lebih 25 peratus orang pelajar aliran sastera telah gagal ke universiti awam berbanding dengan pelajar sains yang hanya kurang dari empat peratus. Timbulnya masalah di sini adalah bagaimana kajian ini boleh membantu mengurangkan peratus pelajar aliran bukan sains daripada gagal ke universiti? Jika pelajar gagal melanjutkan pelajaran ke universiti setelah tiga semester belajar di tingkatan enam, ia merupakan satu pembaziran sumber dan kerugian daripada segi masa, tenaga dan kewangan. Mereka terpaksa menambah kemahiran dengan mengambil kursus-kursus lain untuk memasuki dunia pekerjaan tertentu kerana pelajar tingkatan enam hanya mempunyai kemahiran akademik berbentuk teori dan tidak memiliki kemahiran tambahan atau kemahiran secara khusus seperti pelajar yang berada di sekolah Teknik dan Vokasional. Bahkan, bukan semua sektor pekerjaan menggunakan sijil STPM sebagai gred kelayakan gaji bekerja.

Sehubungan dengan itu, risiko kegagalan melanjutkan pelajaran ke universiti amat membimbangkan dan perlu mendapat perhatian yang serius daripada semua pihak. Pencapaian akademik pelajar tingkatan enam perlu mantap dan menepati syarat yang diperlukan agar dapat bersaing melanjutkan pelajaran ke universiti. Menurut Siti Noor Asyikin Mohd Razali, Suliadi Firdaus Sufahani dan Norazman Arbin (2015) mendapati pencapaian dan gred pelajar dapat ditingkatkan melalui pemberian latihan yang cukup dengan penerangan pendidik yang jelas. Ini bermakna sebahagian pihak





sekolah lebih cenderung menggunakan pendekatan program motivasi dan memberi pelbagai jenis latihan kepada pelajar untuk meningkatkan pencapaian. Sebahagian besar pihak sekolah kurang memberi fokus kepada punca dan sebab lain yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Walhal terdapat banyak faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar yang perlu dikenal pasti dan perlu diselidiki secara lebih meluas. Persoalan yang timbul seperti apakah faktor dominan yang menjadi penyebab berlakunya masalah ini? Kenapakah masalah ini masih berlaku sehingga kini? Bagaimana cara mengatasi masalah ini? merupakan antara persoalan-persoalan yang masih menjadi tanda tanya yang memerlukan kajian yang lebih mendalam dan berterusan.



Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan dan menganalisis faktor-faktor dominan yang mempengaruhi pencapaian pelajar tingkatan enam dalam subjek Ekonomi daripada segi input pelajar dan sokongan pembelajaran. Pelaksanaan penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji pemboleh ubah dan menjawab kesemua persoalan kajian yang dicadangkan. Justeru itu, satu jawapan yang jelas amat diperlukan untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti, sesuai dan bersedia dengan perubahan daripada segi sikap, teknik dan masa belajar yang berkesan agar dapat membantu pelajar mendapatkan keputusan cemerlang dan berjaya melanjutkan ke universiti.



1.5 Objektif Kajian

Kajian ini melibatkan analisis deskriptif dan inferens yang akan menguji beberapa hipotesis dengan menganalisis perbezaan dan menentukan faktor yang mempengaruhi pencapaian subjek Ekonomi berdasarkan input pelajar dan sokongan pembelajaran.

Terdapat enam objektif kajian yang dibentuk secara lebih khusus dalam penyelidikan ini dan dibahagikan kepada enam objektif seperti berikut:

- i. Menenal pasti sebab utama pelajar melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam.
- ii. Menenal pasti tahap input pelajar, tahap sokongan pembelajaran dan tahap pencapaian dalam subjek Ekonomi.
- iii. Membandingkan perbezaan pencapaian subjek Ekonomi yang signifikan berdasarkan pengetahuan asas Ekonomi SPM.
- iv. Menentukan pengaruh langsung input pelajar yang signifikan iaitu pencapaian Matematik SPM, pengetahuan asas Ekonomi SPM, jam belajar, minat, sikap, gaya pembelajaran dan kecerdasan holistik terhadap pencapaian subjek Ekonomi.
- v. Menentukan pengaruh langsung sokongan pembelajaran yang signifikan iaitu faktor guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran terhadap pencapaian subjek Ekonomi.
- vi. Menentukan sumbangan input pelajar dan sokongan pembelajaran yang signifikan terhadap pencapaian subjek Ekonomi.



1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah sebab utama pelajar melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam?
- ii. Apakah tahap input pelajar, tahap sokongan pembelajaran dan tahap pencapaian dalam subjek Ekonomi?
- iii. Adakah wujud perbezaan pencapaian subjek Ekonomi yang signifikan berdasarkan pengetahuan asas dalam Ekonomi SPM?
- vi. Adakah terdapat pengaruh langsung input pelajar yang signifikan iaitu pencapaian Matematik SPM, pengetahuan asas Ekonomi SPM, jam belajar, minat, sikap, gaya pembelajaran dan kecerdasan holistik terhadap pencapaian subjek Ekonomi?
- v. Adakah terdapat pengaruh langsung sokongan pembelajaran yang signifikan iaitu faktor guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran terhadap pencapaian subjek Ekonomi?
- vi. Adakah terdapat sumbangan input pelajar dan sokongan pembelajaran yang signifikan terhadap pencapaian subjek Ekonomi?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- i. H_{01a} : Tidak terdapat perbezaan pencapaian Mikroekonomi yang signifikan berdasarkan pengetahuan asas Ekonomi SPM.



H₀1b: Tidak terdapat perbezaan pencapaian Makroekonomi yang signifikan berdasarkan pengetahuan asas Ekonomi SPM.

H₀1c: Tidak terdapat perbezaan pencapaian keseluruhan yang signifikan berdasarkan pengetahuan asas Ekonomi SPM.

ii H₀2a: Tidak terdapat pengaruh langsung input pelajar yang signifikan iaitu pencapaian Matematik SPM, pengetahuan asas Ekonomi SPM, jam belajar, minat, sikap, gaya pembelajaran dan kecerdasan holistik terhadap pencapaian Mikroekonomi.

H₀2b: Tidak terdapat pengaruh langsung input pelajar yang signifikan iaitu pencapaian Matematik SPM, pengetahuan asas Ekonomi SPM, jam belajar, minat, sikap, gaya pembelajaran dan kecerdasan holistik terhadap pencapaian Makroekonomi.

H₀2c: Tidak terdapat pengaruh langsung input pelajar yang signifikan iaitu pencapaian Matematik SPM, pengetahuan asas Ekonomi SPM, jam belajar, minat, sikap, gaya pembelajaran dan kecerdasan holistik terhadap pencapaian keseluruhan.

iii H₀3a: Tidak terdapat pengaruh langsung sokongan pembelajaran yang signifikan iaitu faktor guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran terhadap pencapaian Mikroekonomi.

H₀3b: Tidak terdapat pengaruh langsung sokongan pembelajaran yang signifikan iaitu faktor guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran terhadap pencapaian Makroekonomi.

H₀3c: Tidak terdapat pengaruh langsung sokongan pembelajaran yang signifikan iaitu faktor guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran terhadap pencapaian keseluruhan.

iv H₀4a: Tidak terdapat sumbangan input pelajar dan sokongan pembelajaran terhadap pencapaian Mikroekonomi.

H₀4b: Tidak terdapat sumbangan input pelajar dan sokongan pembelajaran terhadap pencapaian Makroekonomi.

H₀4c: Tidak terdapat sumbangan input pelajar dan sokongan pembelajaran terhadap pencapaian keseluruhan.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian amat penting bagi penyelidik kuantitatif. Melalui kerangka ini, arah tuju dapat dikenal pasti dan menunjukkan hubungan pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini. Berdasarkan kerangka konseptual kajian, setiap proses awal bermula daripada pemilihan dan penggunaan pemboleh ubah, pemurnian instrumen, proses mengedar dan mengumpulkan data, menganalisis data, dan seterusnya pentafsirannya membentuk ke arah satu jawapan yang membolehkan proses generalisasi dapat dilaksanakan.

Kerangka konseptual kajian merupakan kerangka yang dibina atas ketetapan penyelidik berdasarkan permasalahan kajian, mengambil kira cadangan kajian lepas dan teori-teori yang relevan yang bertujuan memfokuskan hala tuju dan tertumpu kepada pencapaian setiap objektif kajian.

Merujuk penyelidikan yang lalu, Teori Modal Insan dan pendidikan sering berkaitan antara satu sama lain. Berdasarkan Teori Modal Insan, pendidikan dan latihan memainkan peranan penting dalam prestasi sesebuah organisasi (Becker, 1993; Mincer, 1974). Malah, dalam konsep modal insan juga menekankan kepentingan kualiti,



kuantiti, produktiviti, pelaburan dan pendidikan (Schultz, 1998; Fagerlind & Saha 1997; Psacharoupoulous & Woodhall 1997; Becker, 1993; Robert, 1991).

Manusia yang berkualiti tinggi memiliki kualiti secara fizikal, intelektual dan rohani sama ada melalui kualiti peribadi yang diperoleh secara bakat semula jadi atau pun diperoleh daripada pembelajaran melalui pendidikan (Hanapiah Ali, 2011). Melalui pendidikan, pelajar dapat meningkatkan nilai output berdasarkan pencapaian yang dimiliki di pelbagai peringkat. Pelajar lepasan SPM akan melanjutkan pelajaran ke peringkat pra universiti (tingkatan enam) sebelum berjaya ditempatkan di universiti awam. Lanjutan pendidikan ke peringkat universiti memerlukan kelayakan akademik dan memenuhi syarat tertentu (sistem merit) sepertimana proses saringan ini juga berlaku dalam pasaran buruh.



Dalam pasaran buruh, pekerjaan dan kadar upah adalah berbeza mengikut kelayakan, kemahiran dan pengalaman seseorang. Teori Modal Insan menunjukkan bahawa hubungan positif antara kelayakan dan pendapatan iaitu semakin tinggi pendidikan dan kemahiran, semakin tinggi upah atau gaji yang diperoleh (Micer, 1974; Becker, 1962). Becker dan Schultz telah mendapati bahawa latihan dan pembelajaran dapat memberi nilai tambah terhadap produktiviti dan merupakan komponen yang penting dalam dunia pekerjaan (Ross, 2015). Oleh itu, pekerjaan dan kadar upah yang lebih baik akan dimiliki atau diperoleh oleh seseorang individu apabila memiliki tahap pendidikan yang tinggi berbanding daripada yang berpendidikan rendah (Yuliana Patrisia, 2018).




Golongan yang berpendidikan mempunyai kedudukan yang tinggi daripada segi ekonomi dan sosial. Maka, tingginya tahap pendidikan seseorang insan memberi peluang dalam peningkatan tahap pendapatan dan seterusnya menyumbang kepada keberhasilan negara. Ia adalah sejajar dengan anjakan ke-10 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang berhasrat memaksimumkan keberhasilan pelajar bagi setiap ringgit.

Pelajar dapat meluaskan pengalaman, menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran sedia ada dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, bermatlamatkan untuk mendapat tahap kelayakan dan kadar upah yang lebih baik seiring dengan konsep dalam teori modal insan. Sehubungan dengan itu, untuk mendapat kelayakan yang tinggi dalam sistem pendidikan di Malaysia, pelajar perlu melanjutkan pelajaran selepas SPM dan mesti lulus dengan gred yang baik untuk melayakkan mereka menyambung pelajaran ke universiti. Namun begitu, untuk memperoleh pencapaian yang baik dalam akademik bergantung kepada banyak faktor. Antaranya ialah faktor pelajar sendiri dan disokong oleh faktor persekitaran. Pembinaan kerangka ini diasaskan daripada Teori Modal Insan yang melibatkan tiga proses utama yang terdiri daripada pelajar sebagai input, pendidikan sebagai proses pengembangan ilmu dan kemahiran, serta pencapaian pelajar merupakan output atau hasil pembelajaran pelajar.

Dalam konteks kajian ini, Teori Modal Insan berdasarkan Mayo (2000) sesuai digunakan kerana melibatkan komponen yang lebih menyeluruh bagi meningkatkan modal insan. Beberapa faktor dalam input pelajar dan sokongan pembelajaran dikenal pasti memberi pengaruh yang signifikan kepada peningkatan kualiti pelajar tingkatan

enam melalui pencapaian (output) dalam subjek Ekonomi khususnya. Ia merupakan ukuran kualiti seseorang pelajar yang dapat membangunkan modal insan yang seimbang dan berjaya ke peringkat yang lebih tinggi. Kerangka konseptual dapat ditunjukkan secara terperinci dan menyeluruh seperti di dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian Pencapaian Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam. Diadaptasi dan diubahsuai dari Jeyaganesh Sellvaraju, 2018; Siti Hasmiza Hassan & Siti Fatimah Md Azali, 2018

1.8.1 Justifikasi Pemilihan Pemboleh Ubah

Setiap kajian mempunyai sebab tertentu dalam pemilihan pemboleh ubah. Berdasarkan laporan Majlis Peperiksaan Malaysia, masalah pencapaian pelajar ekonomi tingkatan enam yang berpanjangan dan peratus gagal yang lebih tinggi berbanding subjek elektif yang lain, merupakan sebab utama pengkaji memilih pencapaian STPM bagi subjek Ekonomi sebagai pemboleh ubah bersandar dalam penyelidikan ini.

Dalam kajian ini juga menggunakan kerangka konsep yang melibatkan pelbagai pemboleh ubah. Kerangka ini telah diadaptasi dan diperluaskan daripada kajian Jeyaganesh Sellvaraju (2018) yang melibatkan faktor dalaman (sikap, minat dan pencapaian lalu) dan faktor luaran pelajar seperti guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran sekolah. Manakala pemboleh ubah tidak bersandar kajian diambil secara optimum berpandukan matriks kajian literatur (rujuk Lampiran G) dengan mengambil kira cadangan lanjutan bagi penyelidik terdahulu, kelompangan dapatan kajian lepas yang tidak konsisten, penggunaan pemboleh ubah yang terhad serta tidak menyeluruh. Matriks kajian literatur dalam kajian ini telah menggunakan garis panduan PRISMA berdasarkan Model PRISMA untuk mendapatkan pemboleh ubah berdasarkan kajian literatur bersistematik.

Dalam kajian ini, telah menggunakan empat prosedur penyemakan literatur yang sesuai seperti mengenal pasti, menyaring, memeriksa kelayakan, dan merangkum dalam menghasilkan sorotan literatur yang mudah difahami dan teratur (Doreen, & Shahlan Surat, 2021). Peringkat pengenalanpastian merupakan peringkat awal dengan menggunakan pangkalan data untuk mencari sumber kajian yang sesuai iaitu menggunakan tiga jenis enjin utama iaitu *Google Scholar*, *Research Gate* dan



Academia. Dalam peringkat penyaringan pula, kajian tertumpu kepada sumber yang sahih dan kajian empirikal yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi seperti dokumen rasmi kerajaan, buku ilmiah serta artikel yang sesuai dengan tajuk kajian ini. Seterusnya, di peringkat rangkuman memberi fokus kepada sumber-sumber yang relevan mengikut saringan aspek yang telah ditetapkan. Berdasarkan kajian literatur, faktor pelajar (dalaman) dan faktor-faktor luaran pelajar yang lain perlu diambil kira kerana faktor dalaman pelajar sahaja tidak mencukupi untuk mempengaruhi dan meningkatkan prestasi akademik pelajar (Azizi Yahaya & Nurfaizah Abd. Majid, 2011).

Terdapat beberapa cadangan kajian lepas yang mencadangkan kajian lanjutan mengambil skop yang lebih luas dan menggunakan faktor lain dalam kajian (Ahya Kautsar Ahmad Termizi & Muhammad Sofwan Mahmud, 2022; Chientya Annisa Rahman Putrie, 2019; Saraswati, Suwindra, & Mardana, 2019; Lasmita Sihalohe, Agus Rahayu & Lili Adi Wibowo, 2018; Baskaran Kannan & Arulnathan Visuvarasam, 2017; Suhana Ramli & Intan Noor Dzalika Azis, 2016; Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir, Mohd Mustamam Abdul Karim & Nurulhuda Abd. Rahman, 2016), menggunakan lokasi yang lebih luas (Jeyaganesh Sellvaraju, 2018), memasukkan variabel bebas lain (Rizky Sulastyaningrum et al., 2019), menggunakan sampel yang lebih luas (Stephen, Grace & Abimbola, 2019; Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow, 2017), dan melibatkan skop yang lebih besar, menyeluruh dan mempelbagaikan kaedah pengumpulan data (Muhamad Shafiq Mohd Razali & Noraini Abdol Raop, 2018; Norhaida Shaarani, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri, Nor Rosmawati Abdul Karim, Farah Mohd Shahwahid, & Haliyana Tonot, 2015; Noor Erma Abu & Leong, 2014).



Justeru itu, untuk meluaskan kajian ini, terdapat penambahan pemboleh ubah untuk mengisi jurang kajian selain mengekalkan beberapa pemboleh ubah yang masih relevan. Berdasarkan penelitian yang mendalam menggunakan matriks kajian literatur (rujuk Lampiran G), kajian ini telah menggunakan input pelajar (faktor sikap, minat, pencapaian Matematik SPM, pengetahuan asas Ekonomi SPM, jam belajar, gaya pembelajaran dan kecerdasan holistik) dan sokongan pembelajaran (faktor guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran) sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini iaitu sebanyak 11 dimensi secara keseluruhannya.

Manakala, pencapaian pelajar tingkatan enam dalam subjek Ekonomi merupakan pemboleh ubah bersandar yang digunakan dalam kajian ini merangkumi subjek Mikroekonomi, Makroekonomi dan keseluruhan pencapaian.

1.9 Definisi Operasional.

Setiap kajian mempunyai pelbagai istilah yang perlu dihuraikan dengan baik dengan memberikan definisi yang tepat dan jelas agar memberi kefahaman yang mudah dan sesuai mengikut konteks kajian ini. Definisi istilah merupakan salah satu aspek yang penting dalam proses memahami penyelidikan ini. Seterusnya ialah penjelasan tentang perkaitan istilah yang sedang dipertimbangkan.

1.9.1 Pelajar

Di Malaysia, pendidikan tingkatan enam juga dikenali sebagai pra universiti di mana pelajar tingkatan enam ini dianggap sebagai pelajar pasca menengah. Buckley, Bridges dan Hayek (2006) mendefinisikan pelajar sebagai individu yang perlu berusaha jika ingin berjaya dalam pelajaran. Maka, orang yang masih menuntut dan belajar merupakan seorang pelajar (Nuradibah Ismail, 2018). Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan- Peraturan Terpilih (1998), seorang pelajar merupakan individu yang menerima apa-apa perihai melalui pendidikan, pengajaran, latihan sepenuh masa atau separuh masa di sesuatu institusi Pendidikan. Pelajar dalam kajian ini merupakan pelajar tingkatan enam yang mengambil subjek Ekonomi telah dipilih secara rawak di Negeri Sembilan, Melaka dan negeri Johor (negeri dalam zon selatan).

1.9.2 Pilihan

Pilihan dikaitkan dengan semangat yang menekankan emosi, dorongan dan kecerdasan individu untuk melihat diri dan perilakunya daripada perspektif orang luar (Camerer, Loewenstein, & Prelec, 2005). Normah Che Din (2012) mendapati bahawa kebiasaanya pilihan sering dipengaruhi oleh kepercayaan keluarga, rakan dan suasana persekitaran. Kunci kejayaan dalam kehidupan apabila pilihan dilakukan secara baik dan konsisten. Dalam penyelidikan ini, memberi fokus untuk mengenal pasti sebab utama yang mempengaruhi pilihan pelajar melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam.

1.9.3 Input Pelajar

Menurut Jeyaganesh Sellvaraju (2018), faktor dalaman terdiri daripada tiga aspek iaitu minat, sikap dan pencapaian lalu. Dalam kajian ini, input pelajar merupakan faktor diri pelajar yang melibatkan faktor sikap, minat, pencapaian Matematik SPM, pengetahuan asas Ekonomi SPM, jam belajar, gaya pembelajaran dan kecerdasan holistik dalam menyumbang terhadap pencapaian dalam subjek Ekonomi.

1.9.4 Pengetahuan Sedia Ada

Pengetahuan sedia ada merupakan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang pelajar itu sebelum mempelajari sesuatu ilmu atau perkara yang baru iaitu asas kepada aktiviti pembelajaran pelajar (Knowles, 1980). Sehubungan dengan itu, pengetahuan sedia ada atau pencapaian lalu memudahkan proses pembelajaran pelajar. Ia merupakan pengalaman belajar pelajar yang menunjukkan kebolehan pencapaian pelajar sebagai kesediaan dan perkembangan intelek (Wan Muhammad Saidi Jaafar, 2018).

Dalam kajian ini, pencapaian Matematik di peringkat SPM dan pengetahuan asas pelajar dalam subjek Ekonomi SPM merupakan pengetahuan sedia ada atau pengetahuan lalu. Kajian ini melihat perbezaan pencapaian pelajar yang mempunyai pengetahuan asas Ekonomi SPM atau tidak. Selain itu, menentukan pengaruh langsung input pelajar iaitu pencapaian Matematik SPM dan pengetahuan asas Ekonomi SPM terhadap pencapaian dalam Ekonomi STPM.



1.9.5 Jam Belajar

Aktiviti latihan atau ulang kaji mengukuhkan tugasan harian dan merupakan satu aktiviti PdPc yang lebih berpusatkan pelajar (Yeo & Ainul Hakimah Karim, 2011). Zainol Abidin Kasim (2017), menjelaskan bahawa pengurusan masa merangkumi perubahan sikap pelajar dalam merancang aktiviti akademik iaitu masa belajar tanpa mengabaikan aktiviti riadah dan bersosial. Peruntukan tempoh masa dalam sesi ulang kaji pelajar adalah berbeza antara satu sama lain. Dalam kajian ini, jam belajar merupakan purata jumlah masa pelajar mengulang kaji pelajaran Ekonomi dalam sehari bermula kurang dua jam sehingga lebih sepuluh jam belajar. Kajian ini akan menentukan pengaruh langsung jam belajar terhadap pencapaian dalam Ekonomi.



1.9.6 Sikap

Menurut pandangan beberapa orang pakar, sikap merupakan perbuatan yang dipengaruhi oleh alam sekeliling dan sesuatu yang dipelajarinya (Crow & Allan, 1994). Merujuk kepada Nadzalinda Kamsur (2015) mendefinisikan sikap sebagai satu kemungkinan keadaan berlakunya sesuatu perubahan perbuatan atau tingkah laku yang berkaitan dengan apa yang telah dipelajari berdasarkan pengalaman yang telah dialami. Dalam kajian ini, faktor sikap yang digunakan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar melibatkan sikap pelajar tingkatan enam yang merujuk kepada sejauh mana pelajar itu cenderung untuk bertindak terhadap rangsangan yang diterima dalam pembelajaran khususnya subjek Ekonomi.





1.9.7 Minat

Minat merupakan tindakan mengambil berat atau memberi dan mendapatkan perhatian, menunjukkan kecenderungan dan membangkitkan rasa ingin tahu (Hornby, 2000) iaitu merupakan sumber usaha (Wardah, 2021). Menurut Then (2020), minat merupakan daya penggerak sesuatu tindakan atau motivasi seseorang untuk memberi atau menarik perhatian kepada sesuatu perkara, peristiwa atau untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan. Dalam kajian ini, minat dirujuk kepada perasaan, semangat, tindakan dan penglibatan pembelajaran pelajar dalam subjek Ekonomi.

1.9.8 Gaya Pembelajaran



Menurut Honey dan Mumford (1986), istilah gaya pembelajaran digunakan untuk menggambarkan sikap dan tingkah laku yang menentukan gaya pembelajaran individu yang mengamalkannya. Manakala menurut Yusfazila Mohd Yusof dan Effandi Zakaria (2018), gaya pembelajaran ditakrifkan sebagai corak, cara atau gaya pembelajaran seseorang individu untuk menggambarkan, memproses dan mentafsir informasi yang diperoleh seperti yang dikehendaki, diinginkan dan kemudahan peribadi. Dalam penyelidikan ini, pengkaji ingin mengenal pasti gaya pembelajaran yang paling dominan yang diamalkan oleh pelajar ekonomi tingkatan enam dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji akan menggunakan gaya pembelajaran Selmes (1987) dengan lebih menekankan perbezaan gaya pembelajaran oleh setiap individu untuk diukur yang melibatkan gaya pembelajaran permukaan, mendalam, terancang dan gigih usaha.





1.9.9 Kecerdasan Holistik

Sabariah Sidek (2013) menjelaskan bahawa kecerdasan merupakan keupayaan mental manusia untuk mencapai segala yang dikehendaki. Kecerdasan holistik meliputi empat aspek iaitu kecerdasan intelek, kecerdasan emosi, kecerdasan fizikal dan kecerdasan rohani yang dinamakan kecerdasan holistik (Mohd Nasir Rayung et al., 2018). Kecerdasan holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dirangka untuk melahirkan insan yang harmoni dan seimbang daripada segi intelek, jasmani, emosi dan rohani.

Kecerdasan dalam kajian ini akan meliputi empat domain utama yang merangkumi kecerdasan intelektual (*intellectual quotient* IQ), kecerdasan emosional (*emotional quotient* atau EQ), kecerdasan fizikal (FQ) dan kecerdasan spiritual (*spiritual quotient* atau SQ). Dalam kajian ini, kajian intelek akan mengukur tahap pemahaman, penyesuaian dan kebolehan pelajar ekonomi, kecerdasan emosi akan mengukur tahap perasaan dalaman pelajar belajar subjek Ekonomi yang boleh mempengaruhi sikap, menyedari kemampuan diri dan penyesuaian hubungan. Seterusnya, kecerdasan fizikal akan mengukur tahap kepekaan pelajar menjaga kesihatan diri dalam aspek aktiviti riadah dan pemakanan sihat. Akhir sekali, kecerdasan spiritual yang mengukur pelajar daripada segi kemampuan memberi ilham, manfaat dan contoh kepada orang lain seperti hubungan pelajar dengan Tuhan (yakin, bersyukur dan menurut perintah Tuhan), kemampuan menghadapi masalah (keupayaan menyelesaikan masalah yang berlandaskan kebaikan), bersikap berdasarkan nilai-nilai moral dan bertanggungjawab atas setiap tindakan.





1.9.10 Sokongan Pembelajaran

Sokongan pembelajaran melibatkan peranan guru, ibu bapa dan rakan sebaya dalam mempengaruhi keterlibatan dan pencapaian akademik pelajar (Hanita Mohd Yusoff & Norzaini Azman, 2018). Faktor guru, ibu bapa dan rakan sebaya dikenali sebagai faktor sosial manakala persekitaran sekolah merupakan faktor bukan sosial (Mardiana & Lili Andriani, 2018). Faktor guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran sekolah turut dikenali sebagai faktor luaran (Jeyaganesh Sellvaraju, 2018). Dalam kajian ini menggunakan dimensi guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran sebagai sokongan pembelajaran yang mempengaruhi pencapaian pelajar ekonomi tingkatan enam.



1.9.11 Guru



Menurut Anwar, Muslem Daud, Abubakar, Zainuddin dan Fadhila Fonna (2020), guru merupakan seorang pendidik yang bertanggungjawab memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada pelajar dalam perkembangan kognitifnya agar dapat menunaikan tanggungjawabnya sebagai insan yang berjaya dalam pelajaran. Guru merupakan warga atau kakitangan sekolah yang terlibat secara langsung dalam aktiviti sekolah termasuk mengendalikan pelbagai program dan pelaksanaan kurikulum (Mok, 2008). Dalam kajian ini, guru ialah pengajar (Maria Melani Ika Susanti, 2019) yang mengajar pelajar tingkatan enam dalam subjek Ekonomi. Kajian ini akan melihat pengaruh guru terhadap pencapaian pelajar ekonomi melibatkan kaedah dan bahan bantu mengajar yang digunakan, cara penyampaian, nota yang diberikan, pengetahuan yang ada dan kebolehan guru dalam menyampaikan ilmu ekonomi.





1.9.12 Ibu Bapa

Keluarga merupakan anggota yang melibatkan dua atau lebih individu yang mempunyai pertalian darah atau perkahwinan yang saling berkongsi perasaan di antara ahli antara satu sama lain (Yee, 2005). Keluarga asas dianggotai oleh pasangan ibu bapa dan anak-anaknya. Ibu bapa merupakan anggota yang paling dekat dengan anak-anak (Munirah Md Sofi, 2021). Dalam kajian ini, faktor ibu bapa terhadap pencapaian Ekonomi memberi fokus terhadap peranan ibu bapa dalam penyediaan kelengkapan pembelajaran, memberi galakkan dan memantau perkembangan pembelajaran pelajar.

1.9.13 Rakan Sebaya



Rakan sebaya ialah kanak-kanak atau remaja yang memiliki usia atau tingkat kematangan yang lebih kurang sama (Santrock, 2007). Rakan sebaya merupakan sebagai sumber utama dalam mendapatkan sokongan apabila diperlukan (Noor Erma Abu & Leong, 2014). Menurut Mohd Fikri Yazan (2021), rakan sebaya lebih berpengaruh berbanding ibu bapa. Dalam kajian ini, rakan sebaya ialah rakan-rakan yang berada di sekolah tingkatan enam yang berada pada semester satu hingga semester tiga. Kajian ini melibatkan interaksi, cara belajar dan hubungan pelajar dengan rakan-rakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, tidak kira ia berlaku di dalam atau di luar bilik darjah serta melihat pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian Ekonomi dalam tingkatan enam.



1.9.14 Persekitaran

Sekolah ialah sebuah institusi yang formal atau tempat rasmi yang diwujudkan bertujuan untuk menyalurkan norma atau peraturan, dan kepercayaan atau nilai-nilai masyarakat kepada pelajar untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran, nilai, perubahan sikap, pandangan dan pengalaman yang bermakna (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), 2019). Persekitaran sekolah merangkumi empat aspek utama iaitu persekitaran fizikal yang kondusif, persekitaran yang berkesan, persekitaran sosial dan persekitaran akademik (Tableman, 2004). Mardiana dan Lili Andriani (2018) menjelaskan bahawa persekitaran sekolah merupakan faktor bukan sosial (keadaan udara, waktu, tempat dan kemudahan belajar) yang berasal daripada keadaan fizikal di sekitar pelajar. Kajian ini melihat pengaruh persekitaran pelajar di sekolah berdasarkan kesesuaian peruntukan masa pembelajaran pelajar dalam kelas, kemudahan sekolah termasuk kelengkapan dan keselesaan dalam bilik darjah, sumber buku rujukan, sudut bacaan Ekonomi, aktiviti kokurikulum dan pengaruh media massa.

1.9.15 Pencapaian dalam Ekonomi

Pencapaian akademik merupakan tahap kemajuan berdasarkan kegigihan dan usaha pelajar dalam menguasai ilmu dan kemahiran yang dipelajarinya berdasarkan gred, markah mentah, dan pangkat dalam subjek atau keseluruhan kursus yang dikumpulkan atau diambil (Hafizah Abdul Razak, 2015). Dalam konteks pembelajaran, pencapaian merujuk kepada keputusan ujian atau peperiksaan yang diperoleh oleh pelajar mengikut bangsa, aliran, peringkat sekolah, negeri, wilayah dan jurusan. Penguasaan dan



pemahaman pelajar dalam sesuatu bidang dapat dinilai melalui ujian pencapaian (Mohd. Majid Konting, 2009; Kerlinger & Lee, 2001). Menurut Tiara Ernita, Fatimah dan Rabiatul Adawiah (2016), hasil pembelajaran sebagai nilai, iaitu dalam bentuk perumusan akhir yang diberikan oleh guru berdasarkan kemajuan pencapaian dalam jangka masa tertentu.

Dalam kajian ini, pencapaian dalam Ekonomi merujuk kepada keputusan peperiksaan subjek Ekonomi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada semester satu (Mikroekonomi), semester dua (Makroekonomi) dan keseluruhan pencapaian Ekonomi (Mikroekonomi dan Makroekonomi). Pendidikan Ekonomi yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan subjek Ekonomi dalam kod Ekonomi 944 bagi sekolah tingkatan enam STPM yang menggunakan sukatan baharu 2012 (MPM, 2012).



1.10 Batasan Kajian

Bahagian ini menerangkan skop dan batasan kajian iaitu berbicara tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilaksanakan oleh penyelidik. Batasan kajian merujuk kepada kekurangan dan di luar kawalan penyelidik yang melibatkan parameter kaedah penyelidikan seperti pemilihan unit analisis, saiz responden dan pemboleh ubah yang dikenal pasti memberi kesan kepada kajian penyelidik. Dalam melaksanakan kajian ini, batasan kajian telah digariskan di sebabkan oleh bidang kajian dan faktor masa yang terhad. Batasan ini menghadkan skop penemuan kajian dan menghadkan keboleh-generalisasian dibuat kepada konteks penyelidikan yang hanya di bawah kawalan penyelidik sahaja.





Kajian ini telah memberi fokus kepada pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian yang hanya kepada tujuan yang telah ditetapkan. Pemboleh ubah-pemboleh ubah pula terhad kepada pentakrifan yang dikemukakan dalam definisi operasional sahaja. Pemilihan pemboleh ubah adalah berdasarkan keperluan untuk mengisi kelompangan kajian lalu, mengambil kira pemboleh ubah yang masih relevan dan berdasarkan cadangan kajian lanjutan oleh pengkaji yang terdahulu.

Walaupun terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar, namun kajian ini memfokuskan kepada faktor input pelajar (faktor jam belajar, pencapaian Matematik SPM, pengetahuan asas Ekonomi SPM, sikap, minat, gaya pembelajaran dan kecerdasan holistik) dan faktor sokongan pembelajaran (faktor guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran). Sementara pemboleh ubah bersandar juga terhad kepada keputusan peperiksaan STPM untuk subjek Ekonomi sahaja pada semester satu dan semester dua.

Selain itu, kajian ini juga mengandungi demografi yang terdiri daripada latar belakang pelajar, ibu bapa dan serba sedikit latar belakang guru dan sekolah. Pemboleh ubah ini dikira memadai untuk melihat kajian ini secara deskriptif dan menyeluruh sebagai sokongan informasi dan pelengkap di samping mencari faktor dominan yang menyumbang kepada pencapaian pelajar ekonomi tingkatan enam. Data-data atau informasi yang telah dikumpulkan untuk penelitian ini adalah terhad dan hanya berdasarkan pertanyaan atau item-item yang dikemukakan dalam borang soal selidik sahaja.





Batasan kajian bukan sahaja tertumpu kepada pemboleh ubah kajian yang digunakan, malah ia juga melibatkan sampel kajian. Dalam kajian ini, unit analisis bagi instrumen kajian melibatkan pelajar-pelajar di sekolah tingkatan enam yang mengambil subjek Ekonomi di negeri seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sahaja iaitu negeri-negeri yang berada dalam zon selatan sahaja. Walau bagaimanapun, jumlah sampel telah memenuhi keperluan statistik kajian seperti yang disarankan dalam jadual Krejcie Morgan. Tumpuan kajian telah diberikan kepada pelajar di tingkatan enam kerana mereka ini telah melalui tiga peringkat pendidikan rasmi di sekolah iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan menengah atas. Pemilihan subjek kajian ini juga selaras dengan perubahan dilaksanakan MPM yang telah memperkenalkan sistem penaksiran baharu peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 2012 sebagai salah satu transformasi sistem pendidikan tingkatan enam. Oleh itu, dapatan kajian ini juga terhad digeneralisasikan kepada pelajar yang mengambil subjek Pendidikan Ekonomi di sekolah-sekolah yang mempunyai ciri-ciri atau kriteria yang sama atau hampir sama dengan tingkatan enam.

Faktor masa, ancaman penyakit berjangkit (*covid-19*), cabaran kesihatan dan sumber kewangan yang terhad menyebabkan kajian ini tidak dapat dibuat secara menyeluruh selain di zon selatan. Oleh sebab faktor masa belajar yang terhad, cabaran menghadapi penyakit *covid 19* sebanyak dua kali dan masalah pandemik yang melanda negara, maka kajian ini hanya menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan analisis berbentuk deskriptif dan inferens yang terhad seperti mengenal pasti sebab pilihan pelajar ke tingkatan enam, mengenal pasti tahap input pelajar, sokongan pembelajaran dan tahap pencapaian dalam Ekonomi, melibatkan analisis t bebas dan regresi pelbagai.





1.11 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini boleh dilihat dari pelbagai sudut. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kebanyakannya hanya memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang terhad tanpa melihat faktor-faktor yang lebih meluas. Oleh itu, kajian ini amat diperlukan kerana menggunakan pemboleh ubah yang lebih menyeluruh iaitu input pelajar dan sokongan pembelajaran agar dapat menyediakan gambaran yang lebih komprehensif.

Faktor-faktor input pelajar dan sokongan pembelajaran yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi boleh dikenal pasti melalui kajian ini. Dapatan kajian ini amat bermakna kerana memberi gambaran yang jelas, idea dan informasi bermakna serta menjadi sumber rujukan yang dapat diaplikasikan kepada badan kerajaan seperti Pusat Kegiatan Guru (PKG), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Hasil kajian ini boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti sistem pengambilan pelajar dan menambah baik pengurusan dan pentadbiran, kemudahan sekolah, kualiti pengambilan guru dan kepentingan subjek Ekonomi. Ia melibatkan beberapa program, bengkel atau kursus yang sesuai diberikan kepada guru yang mengajar subjek Ekonomi khususnya dan menyediakan tenaga pakar untuk membimbing guru lama dan baharu. Kualiti pengambilan pelajar tingkatan enam akan dipertingkatkan dan diutamakan berbanding kuantiti yang boleh mendatangkan kerugian dan menjejaskan prestasi. Oleh itu, informasi yang holistik sangat penting kepada pihak sekolah, ibu bapa dan pelajar lepasan SPM supaya dapat membuat pilihan





yang tepat dengan merujuk panduan dan kriteria yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam.

Semua pihak yang terlibat boleh membantu pelajar menjadi individu yang mempunyai jati diri yang tinggi, berani membuat pilihan dan keputusan yang tepat, matang dan sesuai dalam menentukan hala tuju mereka dengan membantu mereka memperoleh pencapaian yang cemerlang. Pemilihan pelajar yang sesuai dan layak amat penting bagi memastikan para pelajar bersedia dan tidak terbeban memilih jurusan subjek Ekonomi di tingkatan enam. Pihak sekolah berusaha memastikan pelajar teruja dan selesa ketika belajar dengan memberi persekitaran pembelajaran baharu yang lebih kondusif.



Selain dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk minat belajar, ia juga dapat

mempertingkatkan lagi mutu dan kualiti kurikulum sekolah, infrastruktur, sumber rujukan dan guru. Maka, pihak sekolah perlu menyediakan program khas yang sesuai, melaksanakan pemantauan PdPc yang berkesan dan memastikan matlamat prestasi akademik pelajar tercapai supaya pelajar di sekolah tingkatan enam setanding, mendapat pencapaian yang lebih baik atau berjaya mengatasi pelajar dari pra universiti yang lain seperti Asasi dan Matrikulasi untuk bersaing ke universiti awam (UA).

Namun begitu, pelajar yang cemerlang memerlukan guru yang berkualiti. Maka, dapatan dalam penyelidikan menjadi rujukan dan dapat membantu para pendidik mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar yang dominan bagi membantu memudahkan lagi pelaksanaan proses PdPc dengan lebih efektif. Para pendidik dapat mengesan perkembangan dan kelemahan pelajar dengan mengadakan program yang lebih sesuai





untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran pengiraan, menganalisis, aplikasi dan penyelesaian masalah. Ia dapat dilaksanakan dengan memperbaiki dan mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut gaya pembelajaran pelajar dan disesuaikan dengan tahap kecerdasan pelajar yang berbeza.

Selain daripada guru, ibu bapa juga dapat membantu pelajar untuk meningkatkan prestasi pembelajaran terutama bagi subjek Ekonomi melalui penyediaan kelengkapan belajar yang diperlukan, melibatkan diri dan memberi sokongan terhadap semua program yang disediakan di sekolah, galakkan terhadap peningkatan pencapaian melalui penghargaan dan mewujudkan suasana kekeluargaan yang harmoni dan positif. Minda dan persepsi ke tingkatan enam sebagai pilihan terakhir untuk pelajar kurang bijak dan kurang bernasib baik akan ditransformasikan kepada salah satu pilihan utama selain daripada pengajian di Asasi atau Matrikulasi.

Kajian ini akan dapat merangsang keinginan pelajar untuk meneruskan pengajian ke IPTA melalui tingkatan enam dengan menyalurkan informasi kepada pelajar tentang kelebihan, keunikan, penjimatan dan peluang yang tinggi ke universiti awam melalui media massa dan program motivasi di sekolah. Kesediaan, kesungguhan dan perubahan sikap yang positif akan mengurangkan risiko pelajar tingkatan enam gagal ke IPTA kerana persaingan tempat yang terhad.

Kajian ini bukan sahaja bermanfaat kepada pihak kerajaan, sekolah, ibu bapa dan pelajar, malah dapat memberi panduan dan sumber rujukan yang amat bermakna kepada para penyelidik lain dengan memperoleh sumbangan idea daripada segi kajian literatur, model dan teori, metodologi, instrumen, hasil kajian dan cadangan kajian untuk meneruskan kajian yang selanjutnya.



Secara tuntasnya, dapatan dalam penyelidikan ini dapat membantu ramai pihak yang berkepentingan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dan pembelajaran pelajar, memperbaiki kemudahan dan kelengkapan serta sistem pengambilan pelajar tingkatan enam. Seterusnya, penambahbaikan dalam kualiti dapat mempertingkatkan keyakinan pelajar dan ibu bapa terhadap sistem dan taraf akademik di tingkatan enam supaya output yang dihasilkan diberi jaminan dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam mengikut jurusan yang diminati.

Tambahan lagi, ia dapat membantu perubahan budaya untuk pencapaian matlamat, penambahbaikan daripada segi penumpuan faktor yang perlu ditekankan dan membantu peningkatan kemampuan dan keterampilan pelajar untuk memperoleh pencapaian dalam subjek Ekonomi yang lebih baik. Maka jelaslah bahawa kajian ini amat diperlukan agar dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar STPM khususnya dalam subjek Ekonomi apabila masalah faktor penyumbang pencapaian pelajar ekonomi dapat dikenal pasti. Pelajar juga boleh mengaplikasikan ilmu ekonomi yang diperolehnya melibatkan keputusan ekonomi dalam kehidupan sebenar dan memperoleh kerjaya yang boleh meningkatkan nilai modal insan ke arah kemajuan negara dalam bidang ekonomi.

1.12 Rumusan

Bahagian ini, merumuskan prinsip, idea dan gagasan yang terdapat dalam bab. Kajian ini memberi fokus asas secara keseluruhan tentang dua faktor utama iaitu input pelajar dan sokongan pembelajaran yang melibatkan pemboleh ubah minat, sikap, gaya pembelajaran, kecerdasan holistik, pencapaian Matematik SPM, pengetahuan asas Ekonomi SPM, jam belajar, guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran sekolah yang telah dinyatakan dalam kerangka konsep. Berdasarkan pernyataan permasalahan, persoalan kajian, tujuan kajian dan objektif kajian, dapatlah diringkaskan bahawa kajian ini memfokuskan sebab utama pelajar melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam dan menentukan faktor dominan yang mempengaruhi pencapaian pelajar tingkatan enam dalam subjek Ekonomi daripada segi input pelajar dan sokongan pembelajaran.

Bab yang seterusnya pula membincangkan secara mendalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian dan pemboleh ubah kajian melibatkan konsep, teori atau model dan kajian literatur yang menjadi teras utama kajian ini.